

**Kenyataan Dasar**  
**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**  
**1/2020**

Tarikh: 8 Julai 2020

**Perkembangan Ekonomi Global dan Serantau**

1. Pada Jun 2020, International Monetary Fund telah menurunkan jangkaan pertumbuhan ekonomi global bagi tahun 2020 daripada kadar pertumbuhan 3.4% kepada -4.9% yang diakibatkan oleh krisis pandemik COVID-19. Jangkaan kemelesetan ekonomi global ini adalah lebih teruk berbanding dengan Krisis Kewangan Global yang telah berlaku pada lebih satu dekad yang lalu. Wabak ini melanda ketika permintaan global masih lemah dan ketidakpastian ekonomi yang masih berpanjangan berikutan dengan ketegangan perdagangan. Pandemik COVID-19 telah mendatangkan pelbagai kejutan ke seluruh dunia yang mendorong kerajaan dan bank-bank pusat melaksanakan langkah-langkah rangsangan yang besar untuk mengurangkan impak krisis ini terhadap ekonomi dan kewangan negara masing-masing.
  
2. Sentimen pelabur telah merosot sejak permulaan pandemik COVID-19 disebabkan oleh ketidaktentuan mengenai virus ini dan berapa lama iaanya dapat dibendung dengan berkesan bagi memulihkan aktiviti perekonomian. Pada bulan Mac 2020, kegagalan negara-negara anggota Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) untuk mencapai persetujuan telah menyebabkan penurunan harga minyak. Walaupun persetujuan telah dicapai pada bulan April 2020 untuk mengurangkan bekalan minyak bagi mendokong harga minyak, keberkesanan langkah ini dijangka tidak akan dapat mengatasi kesan penurunan permintaan tenaga global akibat sekatan pergerakan di kebanyakan negara. Oleh itu, besar kemungkinan harga minyak akan mengambil masa yang lebih panjang untuk kembali kepada paras sebelum Januari 2020. Permintaan

gas asli juga telah menurun berikutan pelaksanaan dasar-dasar untuk mengawal penularan wabak tersebut.

3. Untuk mengurangkan impak yang negatif kepada ekonomi disebabkan oleh wabak COVID-19 ini, beberapa buah bank pusat telah mengaktifkan semula dan juga memperluaskan langkah-langkah rangsangan yang pernah dilaksanakan semasa Krisis Kewangan Global. Pada bulan Mac 2020, Federal Reserve telah menurunkan kadar faedah sebanyak dua kali dan memperkenalkan langkah-langkah tambahan termasuk meningkatkan pembelian sekuriti daripada pasaran kewangan. European Central Bank telah mengumumkan *Pandemic Emergency Purchase Programme*, di mana bank pusat tersebut akan membeli sekuriti-sekuriti kerajaan dan korporat. Bank of England juga telah menurunkan kadar faedah ke tahap yang paling rendah dan akan melaksanakan *Ways and Means Facility* untuk menyokong ekonomi United Kingdom. Sementara itu, Bank of Japan telah meningkatkan jumlah dan kekerapan pembelian bon kerajaan dan akan meningkatkan lagi pembelian bon korporat sehingga bulan September 2020. Kebanyakan bank-bank pusat di Asia juga mula menurunkan kadar dasar masing-masing sebagai tindak balas terhadap kesan ekonomi negatif disebabkan oleh COVID-19.

### **Perkembangan Ekonomi Negara Brunei Darussalam**

4. Ekonomi domestik telah meningkat sebanyak 3.9% pada harga tetap bagi tahun 2019, berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 0.1% pada tahun 2018. Perkembangan tersebut didorong oleh pertumbuhan dalam Sektor Minyak dan Gas (4.9%) dan Sektor Bukan Minyak dan Gas (2.5%). Pertumbuhan dalam Sektor Minyak dan Gas sebahagian besarnya didorong oleh pengeluaran Gas Cecair Asli yang telah meningkat, manakala pertumbuhan dalam Sektor Bukan Minyak dan Gas telah didorong oleh aktiviti hiliran seperti pembuatan Produk Petroleum dan Kimia, dan sub-sektor Hotel dan Pengangkutan Udara. Harga minyak dan gas yang menurun merupakan risiko utama bagi

ekonomi Negara Brunei Darussalam. Wabak COVID-19 juga merupakan satu risiko kepada pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2020 di mana aktiviti dan operasi beberapa sektor di negara ini, seperti Pengangkutan Udara, Hotel dan Restoran, telah terjejas berikutan langkah-langkah pencegahan dan pembasmian yang telah diperkenalkan.

5. Purata Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi suku pertama tahun 2020 telah meningkat sebanyak 1.4% tahun-ke-tahun. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan indeks Pelbagai Barang dan Perkhidmatan khususnya kenaikan harga produk insurans; dan juga peningkatan indeks Restoran dan Hotel khususnya kenaikan harga perkhidmatan katering.
6. Kadar inflasi bagi tahun 2019 adalah -0.4%, selaras dengan unjuran AMBD iaitu dalam lingkungan -1% ke 0%. Kadar inflasi bagi tahun 2020 dijangka akan lebih tinggi daripada unjuran sebelumnya disebabkan oleh peningkatan harga bagi beberapa barang dalam IHP yang lebih tinggi berbanding dengan jangkaan awal. Walau bagaimanapun, tekanan kenaikan kadar inflasi ini mungkin akan diimbangi oleh kadar inflasi global yang dijangka akan lebih lemah daripada jangkaan awal dan juga risiko penurunan harga di negara ini yang disebabkan oleh kesan wabak COVID-19. Pada penghujung Mac 2020, Monetary Authority of Singapore telah melonggarkan dasar monetari yang berkaitan dengan kadar pertukaran dolar Singapura, dengan menurunkan titik pertengahan jalur dasar dan juga kadar kenaikan cerun dasar kepada 0%. Mengambilkira persamaan nilai dolar Brunei dengan dolar Singapura, impak daripada pertukaran mata wang kepada kadar inflasi adalah *neutral*.
7. Ramalan inflasi AMBD telah dikemaskinikan semula iaitu di antara 1% ke 2%. Walau bagaimanapun, ramalan tersebut adalah tertakluk kepada tempoh dan impak penularan wabak COVID-19 ke atas inflasi global mahupun tempatan.

## **Perkembangan Sektor Kewangan Negara Brunei Darussalam**

8. Berdasarkan penilaian dan penganalisaan *macro-prudential* AMBD terhadap sektor kewangan, risiko kestabilan kewangan dijangka meningkat pada setengah tahun pertama 2020. Ini disebabkan oleh peningkatan risiko sektor luaran, ekonomi domestik, aset-aset di luar negara, serta risiko kredit daripada sektor korporat yang terjejas oleh penularan wabak COVID-19. Risiko terhadap pendapatan bank dari pelaburan di luar negara juga dijangka akan meningkat dan akan terus dipantau dengan rapi berikut ketidaktentuan pasaran kewangan antarabangsa dan kadar faedah yang sangat rendah.
9. Sektor pengangkutan (khususnya industri penerbangan) dan sektor pelancongan akan lebih terjejas di Negara Brunei Darussalam akibat wabak COVID-19. Oleh itu, risiko kredit peminjam-peminjam dari sektor-sektor berkaitan dijangka akan meningkat. Walau bagaimanapun, impak secara keseluruhan ke atas ekonomi dan sektor kewangan dijangka sederhana kerana sektor pengangkutan dan pelancongan merupakan sebahagian kecil daripada ekonomi negara. Dari segi pinjaman/pembiayaan perbankan, sektor-sektor ini terdiri sebanyak 7.2% dan 0.6% masing-masing daripada jumlah pinjaman/pembiayaan pada tahun 2019.
10. Pada penghujung tahun 2019, aset sektor kewangan telah meningkat sebanyak 1.5% tahun-ke-tahun kepada BND22.3 bilion pada 2019 berbanding BND21.9 bilion pada tahun 2018. Sebanyak 92.1% daripada jumlah aset sistem kewangan, iaitu sebanyak BND20.5 bilion, adalah daripada institusi pengambilan deposit.
11. Pada suku pertama 2020, kedudukan modal sektor perbankan kekal kukuh dan berdaya tahan dengan agregat *Capital Adequacy Ratio* sebanyak 20.3%. Nisbah tersebut adalah melebihi keperluan minima sebanyak 10% sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Perintah Perbankan, 2006 dan Perintah Perbankan Islam, 2008. Sektor perbankan juga mempunyai aset cair yang mencukupi dengan nisbah Aset Cair kepada Aset Keseluruhan sebanyak 46.7%.

12. Jumlah pinjaman/pembiayaan menunjukkan peningkatan sebanyak 11% iaitu BND6.0 bilion pada suku pertama 2020 berbanding dengan BND5.4 bilion pada suku yang sama di tahun sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan oleh sektor korporat terutamanya sektor harta tanah komersial dan sektor kewangan. Sektor perbankan juga telah menunjukkan kualiti aset yang bertambah baik dengan penurunan nisbah bersih pinjaman/pembiayaan tertunggak (*Non-Performing Loans/Financing*) kepada 2.3% pada suku pertama 2020 berbanding 2.6% pada suku pertama 2019, terutamanya di sektor korporat seperti sektor perkhidmatan dan pembuatan.
13. Pada suku yang sama, pulangan keuntungan sektor ini telah menunjukkan sedikit penurunan dengan agregat nisbah Pulangan kepada Aset (*Return on Assets*) dan Pulangan kepada Ekuiti (*Return on Equity*) masing-masing merekodkan 1.2% dan 7.3%. Jumlah keseluruhan aset dan deposit telah menurun masing-masing sebanyak 0.5% tahun-ke-tahun kepada BND17.9 bilion dan 2.3% tahun-ke-tahun kepada BND14.8 bilion. Penurunan ini adalah disebabkan oleh kematangan *time deposits* dan penempatan dana di institusi-institusi kewangan luar negara.
14. Walaupun berada di dalam persekitaran ekonomi yang tidak menentu, sektor perbankan terus kekal berdaya tahan pada suku pertama 2020. Ini didokong oleh tahap modal dan kecairan yang tinggi, risiko kredit yang terkawal, pengurusan risiko yang berkesan serta penyediaan pelbagai pakej rangsangan ekonomi dan kewangan yang komprehensif.
15. AMBD telah mengadakan dialog secara berterusan dengan pihak-pihak yang berkepentingan, termasuk Kementerian Kewangan dan Ekonomi (KKWE) dan Persatuan Bank-Bank Brunei (BAB) dalam menangani kesan negatif COVID-19 terhadap ekonomi negara. AMBD bersama dengan BAB telah bersetuju kepada beberapa langkah *interim* yang bertujuan untuk mengurangkan tekanan kewangan kepada syarikat-syarikat perniagaan dan individu-individu yang terkesan. Langkah-langkah *interim* yang berkuatkuasa mulai 1 April 2020 merangkumi pelbagai jenis bantuan sementara termasuk:

- i. Penangguhan pembayaran jumlah pokok (*principal amount*) pinjaman/pembiayaan kepada sektor perniagaan dan isi rumah. Ini termasuk pinjaman/pembiayaan peribadi, hartanah (pemilikan rumah dan pelaburan) dan kemudahan sewa beli berkaitan dengan pembiayaan/pinjaman kenderaan bermotor. Penangguhan ini bermula dari tarikh kebenaran pihak bank sehingga 31 Mac 2021, tertakluk kepada penilaian lanjut pihak bank;
  - ii. Penstrukturkan pinjaman/pembiayaan peribadi dan kemudahan sewa beli dengan tempoh tidak melebihi 10 tahun;
  - iii. Individu-individu yang terkesan, khasnya yang bekerja di sektor swasta dan yang bekerja secara persendirian, juga mempunyai pilihan untuk menstruktur semula baki tertunggak kad kredit kepada pinjaman/pembiayaan dengan tempoh tidak melebihi 3 tahun, tertakluk kepada penilaian lanjut pihak bank;
  - iv. Semua bayaran dan caj bank yang berkaitan dengan fasiliti tersebut, kecuali caj pihak ketiga, tidak akan dikenakan; dan
  - v. Bagi memudahkan pelaksanaan langkah-langkah *interim* sektor perbankan, AMBD juga akan memberikan fleksibiliti terhadap Single Borrowing Limit.
16. Dalam usaha untuk menggalakkan penjarakan sosial (*social distancing*) dan mengelakkan kunjungan pelanggan ke bank-bank, bayaran dan caj pemindahan dana antara bank dalam talian (*online*) telah dikecualikan selama 6 bulan bermula dari 1 April 2020 sehingga 30 September 2020 bagi semua pelanggan.
17. AMBD akan sentiasa memastikan kecairan yang mencukupi untuk memastikan sistem kewangan akan dapat terus berfungsi dengan baik menerusi pengenalan langkah-langkah tambahan pengurusan kecairan bagi bank-bank di negara ini. Langkah-langkah tersebut merangkumi penerbitan AMBD Islamic Bills (AMBD I-Bills) pada tahun 2020 yang dapat membantu bank-bank dalam pengurusan kecairan selaras dengan usaha AMBD untuk mengembangkan *money market* domestik yang lebih efisien. Program AMBD I-Bills yang julung-julung kali dikeluarkan ini akan berdasarkan struktur Wakalah yang pertama kalinya digunakan di Negara Brunei Darussalam, dan mempunyai tempoh kematangan selama dua minggu.

18. Dari segi pembangunan kewangan Islam, aset keseluruhan industri Perbankan, Takaful dan Pasaran Modal telah mencatatkan pertumbuhan, di mana Perbankan Islam merangkumi 65% daripada jumlah keseluruhan aset perbankan pada 2019 dengan menunjukkan Pulangan kepada Aset (*Return on Assets*) yang stabil iaitu 2.1% dan Pulangan kepada Ekuiti (*Return on Equity*) 13.8%. Sementara itu, sektor Takaful dan Dana mencatatkan purata sebanyak 32% dan 5% daripada jumlah keseluruhan aset dalam sektor masing-masing, dan mempunyai potensi untuk berkembang di masa hadapan.
19. Negara Brunei Darussalam telah mengekalkan kedudukannya di tangga 10 teratas pasaran kewangan Islam daripada 131 negara sebagaimana yang dilaporkan dalam *ICD-Refinitiv Islamic Finance Development Report 2019: Shifting Dynamics*. Laporan ini berdasarkan data tahun 2018 yang telah menghasilkan 45 mata dalam *Islamic Finance Development Indicator* (IFDI), seterusnya menempatkan negara ini di kedudukan kesepuluh sedunia, dan di tempat ketiga di ASEAN selepas Malaysia dan Indonesia.
20. Sebagai komitmen AMBD untuk meningkatkan rejim pengawalseliaan bagi perlindungan pemegang-pemegang polisi di Negara Brunei Darussalam, AMBD telah mengeluarkan 3 notis dan garispanduan kepada syarikat insurans dan pengendali takaful pada suku pertama tahun 2020 iaitu mengenai dengan pelan pemulihan (*recovery plan*), pengedaran secara dalam talian dan pengedaran lebihan bagi pengendali takaful.
  - i. Notis pertama memerlukan syarikat insurans dan pengendali takaful mengadakan pelan pemulihan untuk mengambil tindakan-tindakan sewajarnya bagi menstabilkan dan memulihkan kekuatan kewangan dan daya maju apabila berhadapan situasi tekanan kewangan (*financial distress*). Seiring dengan keperluan tersebut, AMBD juga telah menyediakan garispanduan mengenai elemen yang diperlukan dalam pelan tersebut.
  - ii. Di dalam usaha AMBD untuk menyokong transformasi digital, AMBD juga telah memperkenalkan garispanduan bagi pengedaran secara dalam talian bagi syarikat insurans dan pengendali takaful yang memenuhi keperluan AMBD semasa menjalankan urusniaga dalam

- talian, dari segi pengurusan risiko dan kawalan dalaman (*internal control*).
- iii. Bagi memastikan peserta-peserta Takaful di negara ini menerima layanan dengan adil dan telus, pengendali-pengendali takaful adalah dikehendaki untuk menyatakan kaedah bagi menentukan lebihan, defisit dan kaedah pemindahannya kepada peserta-peserta Takaful. Notis tersebut memerlukan pengagihan lebihan dari operasi takaful kepada para peserta yang tidak pernah membuat sebarang tuntutan sepanjang tempoh tahun kewangan dan sebarang perubahan terhadap cara pengagihan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan penglulusan daripada Badan Penasihat Syariah dan Lembaga Pengarah masing-masing.
21. AMBD telah mengeluarkan Notis *Providing Market Access to a Foreign Market* pada 4 November 2019. Notis tersebut mengenakan syarat ke atas semua pemegang *Capital Markets Services Licence* yang menjalankan aktiviti terkawal *dealing in investments* untuk memaklumkan kepada AMBD sebelum menyediakan akses pasaran kepada para pelabur ke bursa sekuriti asing yang dikawalselia oleh pengawalselia sekuriti asing.
22. Projek penubuhan bursa saham Negara Brunei Darussalam sedang giat dilaksanakan. Antara perkembangan terkini adalah seperti berikut:
- i. Sebuah syarikat telah dilantik bagi menerajui projek ini;
  - ii. Peraturan-peraturan yang berkenaan sedang dipersiapkan;
  - iii. Pembangunan sistem dan prasarana bursa saham telah bermula dan kini dalam proses penyesuaian;
  - iv. Konsultasi industri tertutup telahpun dikendalikan; dan
  - v. Memperkuatkannya secara berterusan dasar-dasar, peraturan-peraturan dan prasarana operasi untuk memastikan ekosistem pasaran modal akan berfungsi dengan teratur.
23. AMBD telah selesai menjalankan pemeriksaan *on-site* kali kedua menggunakan metodologi penyeliaan berdasarkan risiko (*risk-based supervision*) terhadap pengawalseliaan *capital market intermediaries* pada suku pertama 2020.

24. AMBD sedang giat melaksanakan beberapa inisiatif di bawah *Digital Payment Roadmap for Brunei Darussalam 2019-2025* yang antaralainnya, penubuhan infrastruktur *Payment Hub* yang akan membolehkan pengguna untuk membuat pembayaran secara digital. AMBD akan mengambil peranan utama dalam pelaksanaan Projek *Digital Payment Hub* dengan kerjasama Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Baiduri Bank dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB). AMBD akan terus bekerjasama dengan pihak berkepentingan seperti Majlis Ekonomi Digital dalam memastikan matlamat Projek adalah selaras dengan inisiatif-inisiatif negara.

### **Perkembangan Masa Depan**

25. Dengan pengeluaran notis mengenai pelan pemulihan bank pada 20 Disember 2019, bank-bank dikehendaki untuk menghadapkan pelan pemulihan (*recovery plan*) kepada AMBD sebelum 30 September 2020. Keperluan ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan AMBD untuk membangunkan rangka kerja *recovery* dan *resolution* yang lebih luas untuk sektor-sektor kewangan yang dikenalpasti.
26. AMBD akan terus memantau perkembangan situasi COVID-19 bersama dengan institusi-institusi kewangan mengenai langkah-langkah yang diperlukan untuk memastikan perkhidmatan kewangan yang penting akan terus berfungsi secara teratur. AMBD juga bersedia untuk melaksanakan langkah-langkah tambahan, jika perlu, demi menjaga kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam.

#### Sumber-sumber data:

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES)  
International Monetary Fund (IMF)